

**UNIT PEMODENAN TADBIRAN DAN
PERANCANGAN PENGURUSAN MALAYSIA (MAMPU)**

KENYATAAN TAWARAN

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah pecahan kepala **210101 hingga 210106** bagi menyertai tender berikut:

NO. TENDER	TAJUK	KOD BIDANG PENDAFTARAN
MAMPU/BEKALAN DAN PERKHIDMATAN/5/2008	MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG, MEREKABENTUK, MEMBANGUN, MENGUJI DAN MENTAULIAH PERKAKASAN, PERISIAN DAN SISTEM APLIKASI BAGI MELAKSANAKAN MYGOVXCHANGE DAN PERKHIDMATAN <i>ONLINE</i> eKL	210101 210102 210103 210104 210105 210106

Dokumen Tender boleh diperoleh pada waktu pejabat seperti berikut:

Tarikh jualan : 28 Mac 2008 (Jumaat) hingga 17 April 2008 (Khamis)

Masa jualan : Isnin hingga Khamis : 8:30 pagi – 12:30 tengah hari dan 2:00 petang – 5:00 petang
Jumaat : 8:30 pagi – 12:15 tengah hari dan 2:45 petang – 5.00 petang

Dokumen Tender tersebut boleh diperoleh di Ibu Pejabat Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia, Aras 6, Blok B2, Kompleks Jabatan Perdana Menteri, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62502 Putrajaya dengan menunjukkan **SIJIL PENDAFTARAN ASAL** daripada **KEMENTERIAN KEWANGAN** dalam kod bidang seperti di atas yang masih belum tamat tempoh dan **SIJIL TARAF BUMIPUTERA** (jika bertaraf Bumiputera) yang dikeluarkan oleh KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA. Satu salinan (fotostat) sijil-sijil berkenaan juga perlu dibawa semasa membeli Dokumen Tender dan diserahkan kepada MAMPU dan tidak akan dikembalikan.

Dokumen Tender boleh dibeli dengan harga **RM50.00 (Ringgit Malaysia: Lima Puluh Sahaja)** senaskhah yang tidak akan dikembalikan. Pembayaran hendaklah dibuat dalam bentuk Kiriman Wang (*Money Order*) / Bank Draft / Wang Pos atas nama Ketua Pengarah MAMPU. Wang Tunai/Cek tidak diterima.

Satu sesi taklimat tender akan diadakan pada **07 April 2008 (Isnin), pukul 3.00 petang** bertempat di **Bilik Mesyuarat Utama, Aras 6, Blok B2, Kompleks JPM, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62502 Putrajaya**. Kehadiran dihadkan kepada dua (2) orang wakil sahaja bagi setiap syarikat. Kehadiran hendaklah disahkan dengan mengembalikan **Borang Kehadiran Taklimat Tender** seperti di **Lampiran D-14** di dalam **dokumen tender sebelum 04 April 2008**.

Hanya syarikat yang membeli dokumen tender sahaja dibenarkan untuk membuat tawaran. Syarikat Induk atau anak syarikat penender yang tidak membeli dokumen tender **TIDAK DIBENARKAN** untuk membuat salinan tender dan membuat tawaran.

Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dengan mencatatkan Tajuk dan No. Tender dan dimasukkan ke dalam Peti Tender yang ditetapkan di **Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia, Aras 6, Blok B2, Kompleks Jabatan Perdana Menteri, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62502 Putrajaya** sebelum atau pada **17 April 2008 pukul 12:00 tengah hari**. Tawaran yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.